

02 MAR 2005

SETEM KHAS MERAIKAN PERALIHAN ERA BARU PROTON DENGAN GEN.2

KUALA LUMPUR, 2 Mac (Bernama) -- Pos Malaysia Berhad (PMB) akan mengeluarkan Setem Khas dan Sampul Surat Hari Pertama dengan tema Proton Gen.2, Isnin depan.

Pelancaran Setem Khas dan Sampul Surat Hari Pertama berkenaan akan dilakukan oleh Penasihat Proton Tun Dr Mahathir Mohamad di Auditorium Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya pada 21 Mac.

Dalam kenyataan akhbarinya hari ini, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif PMB, Datuk Ikmal Hijaz Hashim berkata Proton Gen.2 adalah model pertama yang dipasang dengan enjin buatan dalam negara, Campro, yang melambangkan evolusi Proton daripada sebuah syarikat pemasangan kereta kepada syarikat yang mempunyai kebolehan sepenuhnya dalam bidang kejuruteraan automotif.

"PMB mengambil peluang ini untuk mengiktiraf pencapaian Proton melalui setem," katanya.

Untuk maklumat lanjut mengenai setem khas itu, orang ramai boleh melayari laman web [www.pos.com.my](http://www.pos.com.my) atau mengunjungi Pejabat Pos terdekat atau Bahagian Setem dan Filateli, Tingkat 1, Bangunan Pejabat Pos Besar, Komplek Dayabumi, Kuala Lumpur.

Orang ramai juga boleh menghubungi 03-22741122 sambungan 6830 atau e-mel [filateli@pos.com.my](mailto:filateli@pos.com.my) untuk keterangan lanjut.

-- BERNAMA  
MFD ISA LAT